

PENGIMBUHAN DALAM BAHASA MELAYU: GEJALA PENGULANGAN KALI KEDUA



Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim

❖ Abstrak ❖

Terdapat tiga proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu, iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Yang paling prolifik antara tiga ini ialah proses pengimbuhan. Ini disebabkan jumlah dan jenis imbuhan dalam bahasa Melayu amat besar, ditambah pula dengan aspek kepelbagaiannya. Kini proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu moden menjadi semakin rancak dengan meningkatnya penggunaan gejala pengulangan pengimbuhan. Dengan pengulangan pengimbuhan dimaksudkan proses pengimbuhan dilaksanakan lebih daripada satu kali bagi kata dasar yang sama. Contohnya ialah *karang-pengarang-kepengarangan*. Kata dasar *karang* menerima awalan *peN-*, membentuk *pengarang*. *Pengarang* kemudiannya menjadi kata dasar bagi proses pengimbuhan kali kedua dengan apitan *peN-...-an* untuk menghasilkan perkataan baharu *kepengarangan*. Ini contoh pengulangan kali kedua. Pengulangan boleh juga berlaku bagi kali ketiga. Contoh pengulangan kali ketiga ialah *tidur-ketiduran-seketiduran-berseketiduran*. Dalam kes ini, kata dasar *tidur* mula-mula menerima apitan *ke-...-an*, menghasilkan *ketiduran*, kemudian mengalami pengulangan kali kedua dengan awalan *se-*, menghasilkan *seketiduran*, dan akhir sekali mengalami pengulangan kali ketiga dengan awalan *ber-* untuk menghasilkan *berseketiduran*. Makalah ini melihat gejala pengimbuhan kali kedua dalam bahasa Melayu dengan mengambil korpus daripada *Kamus Dewan* Edisi Keempat terbitan tahun 2005.

Kata kunci: *pengimbuhan, gejala pengulangan, kali kedua, Bahasa Melayu*

PENDAHULUAN

Proses pembentukan perkataan melalui pengimbuhan dalam bahasa Melayu amat prolifik. Bukan sahaja jumlah dan jenis imbuhan yang terdapat amat besar, tetapi kepelbagaiannya juga sangat ketara. Sebahagian besar perkataan dalam bahasa Melayu terbentuk melalui proses pengimbuhan. Dua proses lain yang turut terlibat dalam pembinaan kosa kata bahasa Melayu ialah proses penggandaan dan proses pemajmukan. Dalam konteks pengembangan kosa kata dalam bahasa Melayu terkini, proses pengimbuhan menjadi lebih rancak, ditambah pula dengan kerancakan penggunaan gejala pengulangan pada proses ini.

Yang dimaksudkan dengan gejala pengulangan dalam proses pengimbuhan ialah kehadiran proses ini lebih daripada satu kali bagi kata dasar yang sama. Sebagai contoh, kata dasar *angkat* mengalami proses pengimbuhan apabila berganding dengan awalan *ber-* untuk menghasilkan kata terbitan *berangkat*. Pengulangan proses pengimbuhan berlaku apabila kata terbitan baharu itu (*berangkat*) menjadi kata dasar bagi proses pengimbuhan kali kedua, iaitu apabila digabungkan dengan apitan *ke-...-an* untuk menghasilkan kata terbitan baharu, *keberangkatan*.

Ada kalanya proses pengimbuhan berlaku lebih daripada dua kali. Sebagai contoh ialah perkataan *berseketiduran*, yang kata dasarnya (*tidur*) mula-mula menerima apitan *ke-...-an* untuk menghasilkan *ketiduran*, kemudian mengalami proses pengimbuhan kali kedua dengan awalan *se-*, menghasilkan *seketiduran*, dan akhir sekali mengalami proses pengulangan kali ketiga dengan awalan *ber-*, menghasilkan *berseketiduran*.

Untuk perbincangan lebih lanjut tentang proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu, sila lihat Nik Safiah Karim et al. 2008.

Makalah ini membuat tinjauan terhadap gejala pengulangan kali kedua pada proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu. Data diambil daripada *Kamus Dewan* (dari sekarang KD) edisi keempat terbitan 2005. Sebelum itu, dihuraiakan, dengan serba ringkas, gejala pengimbuhan dalam bahasa Melayu.

PROSES PENGIMBUHAN

Proses pengimbuhan dalam bahasa Melayu ialah proses yang menggabungkan kata dasar dengan imbuhan untuk membentuk perkataan baharu, yang disebut kata terbitan. Empat jenis imbuhan wujud dalam bahasa Melayu, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Yang berikut ialah beberapa contoh:

Jadual 1: Contoh Proses Pengimbuhan

Kata dasar	+	Imbuhan	= kata terbitan
jalan		ber-	berjalan
dekat		-i	dekati
baca		meN-...-kan	membacakan
gigi		-er-	gerigi

Dalam semua contoh di atas, proses pengimbuhan berlaku sebanyak satu kali sahaja. Ada juga proses pengimbuhan disertai proses penggandaan, seperti yang dapat dilihat dalam contoh di bawah:

Jadual 2: Contoh Proses Penggandaan

berjalan-jalan	menggaru-garu
terkial-kial	cari-mencari
meronta-ronta	tembak-menembak
berabad-abad	jadi-jadian
sebaik-baik	kekuning-kuningan

PENGULANGAN PROSES PENGIMBUHAN KALI KEDUA

Yang dimaksudkan dengan pengulangan kali kedua pada proses pengimbuhan ialah proses yang berlaku apabila perkataan yang telahpun mengalami proses pengimbuhan mengalami proses tersebut bagi kali yang kedua. Contohnya: *angkat - berangkat - keberangkatan*. Contoh kedua ialah: *fikir - fikiran - berfikiran*. Dalam kes *berfikiran*, kata dasar ialah *fikir* yang menerima akhiran *-an*, menghasilkan kata terbitan *fikiran*. Kata terbitan ini kemudiannya menjadi kata dasar baharu untuk menjalani proses pengimbuhan kali kedua dengan awalan *ber-*, menghasilkan *berfikiran*.

Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak perkataan yang terbentuk melalui pengulangan proses pengimbuhan kali kedua ini. Jadual 1 berikut mengandungi beberapa contoh lagi, bagi memperlihatkan kepelbagaiannya, baik dari sudut jenis imbuhan yang terlibat mahupun bentuk-bentuk kata terbitan yang menjadi kata dasar dalam proses pengimbuhan kali kedua.

Jadual 3: Contoh Hasil Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua

KD	Peng 1	KT	Peng 2	KT baharu
muat	-an	muatan	ber-	bermuatan
dapat	peN-	pendapat	se-	sependapat
ribu	se-	seribu	meN-	menyeribu
libat	ter-	terlibat	ke-...-an	keterlibatan
balik	ter-	terbalik	meN-...-kan	menterbalikkan
keras	peN-	pengeras	ke-...-an	kepengerasan
langsung	ber-	berlangsung	ke-...-an	keberlangsungan
imbang	se-	seimbang	ke-...-an	keseimbangan
kitar	se-	sekitar	per-...-an	persekitaran
padan	se-	sepadan	peN-...-an	penyepadanan

* Peng = proses pengimbuhan

Dapat dilihat bahawa pelbagai imbuhan terlibat dalam proses pengimbuhan, baik pada kali pertama mahupun kali kedua. Makalah ini seterusnya akan melihat bentuk-bentuk perkataan yang dihasilkan melalui pengimbuhan kali kedua yang terdapat dalam KD, dengan tumpuan kepada jenis-jenis imbuhan yang digunakan serta kekerapan masing-masing.

Daripada KD terdapat 313 patah perkataan yang terhasil daripada pengulangan proses pengimbuhan kali kedua. Yang menarik ialah hanya dua proses imbuhan yang terlibat, iaitu (i) pengimbuhan dengan awalan dan (ii) pengimbuhan dengan apitan. Daripada jumlah ini, 153 atau 49% kata terbitan terbentuk dengan menggabungkan pelbagai **awalan** dengan kata terbitan yang telah dibentuk melalui proses pengimbuhan kali pertama. Yang selainnya, atau separuh lagi (160 patah perkataan), terbentuk dengan menggabungkan **apitan** dengan kata terbitan sebagai kata dasar.

PENGULANGAN PROSES PENGIMBUHAN KALI KEDUA DENGAN AWALAN

Daripada awalan dalam bahasa Melayu yang terlibat dengan pengulangan proses pengimbuhan, yang paling kerap berlaku ialah dengan awalan *ber-*, diikuti dengan awalan *se-*. Pengimbuhan dengan awalan-awalan lain kurang ketara, seperti yang akan dapat dilihat dalam huraiaan selanjutnya. Antara awalan-awalan yang dapat mengalami proses pengulangan pengimbuhan ialah: *ber-*, *se-*, *meN-*, *peN-*, *ter-*, *per-* dan *di-*.

a. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Awalan *ber-*

Terdapat sembilan jenis binaan kata terbitan yang terhasil melalui proses pengimbuhan kali kedua dengan awalan *ber-*, seperti yang berikut:

Jadual 4: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Apitan *ke...-an* (44 perkataan)

Sepuluh contoh diberikan; yang selainnya terdapat dalam Lampiran A.

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
berat	keberatan	berkeberatan
cenderung	kecenderungan	berkecenderungan
keluarga	kekeluargaan	berkekeluargaan
lulus	kelulusan	berkelulusan
pandai	kepandaian	berkepandaian
pimpin	kepimpinan	berkepimpinan
sudah	kesudahan	berkesudahan
tentu	ketentuan	berketentuan
upaya	keupayaan	berkeupayaan
wajib	kewajiban	berkewajiban

Jadual 5: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Akhiran *-an* (20)

Lima contoh diberikan; yang selainnya terdapat dalam Lampiran B.

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
alas	alasan	beralasan
ejek	ejekan	berejekan
jabat	jabatan	berjabatan
pakai	pakaian	berpakaian
rangkai	rangkaian	berangkaian
siar	siaran	bersiaran

Jadual 6: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Apitan *peN-...-an* (16)

Lima contoh sahaja; yang selainnya di lampiran C.

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
ajar	pelajaran	berpelajaran
daki	pendakaian	berpendakian
kerja	pekerjaan	berpekerjaan
rasa	perasaan	berperasaan
taruh	penaruhan	berpenaruhan

Jadual 7: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-* (15)

Lima contoh sahaja; yang selainnya terdapat dalam Lampiran D.

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
lari	selari	berselari
nyawa	senyawa	bersenyawa
orang	seorang	berseorang
pakat	sepakat	bersepakat
tentang	setentang	bersetentang

Jadual 8: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *peN-* (6)

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
dapat	pendapat	berpendapat
duduk	penduduk	berpenduduk
hujung	penghujung	berpenghujung
rasa	perasa	berperasa
sakit	penyakit	berpenyakit
sedut	penyedut	berpenyedut

Jadual 9: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Apitan *per-...-an* (5)

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
adab	peradaban	berperadaban
atur	peraturan	berperaturan
muka	permukaan	berpermukaan
mula	permulaan	berpermulaan
satu	persatuan	berpersatuan

Jadual 10: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *per-* (1)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
dua	perdua	berperdua

Jadual 11: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ke-* (1)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
hendak	kehendak	berkehendak

Jadual 12: Awalan *ber-* dengan Kata Dasar yang Menerima Apitan *pe -...-an* (1)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
tualang	petualangan	berpetualangan

Kesimpulannya, terdapat sebanyak 109 kata terbitan terhasil daripada pengimbuhan kali kedua dengan awalan *ber-*. Yang paling banyak ialah gabungan awalan *ber-* dengan kata dasar yang telah menerima apitan *ke-...-an*, iaitu sebanyak 44, diikuti oleh akhiran *-an* (20), apitan *peN-...-an* (16) dan awalan *se-* (15). Gabungan *ber-* dengan imbuhan lain agak terhad, iaitu enam dengan *peN-*, lima dengan *per-...-an* dan satu masing-masing dengan *per-*, *ke-...-an* dan *pen-...-an*.

b. Pengulangan Pengimbuhan dengan Awalan *se-*

Dalam *Kamus Dewan*, sebanyak 35 perkataan terhasil melalui pengulangan proses pengimbuhan kali kedua dengan awalan *se-*, melalui lapan jenis binaan, seperti yang berikut.

Jadual 13: Awalan *se-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *peN-* (9 perkataan)

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
dakap	pendakap	sependakap
dapat	pendapat	sependapat
laung	pelaung	sepelaung
lempar	pelempar	sepelempar
lontar	pelontar	sepelontar
panah	pemanah	sepemanah
panggil	pemanggil	sepemanggil
peluk	pemeluk	sepemeluk
tinggal	peninggal	sepeninggal

**Jadual 14: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima
Apitan *peN-...-an* (8)**

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
air	pengairan	sepengairan
kerja	pekerjaan	sepekerjaan
lari	pelarian	sepelarian
laung	pelaungan	sepelaungan
lontar	pelontaran	sepelontaran
pagut	pemagutan	sepemagutan
pakai	pemakaian	sepemakaian
tinggal	peninggian	sepeninggian

**Jadual 15: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima
Apitan *per-...-an* (7)**

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
angkat	perangkatan	seperangkatan
juang	perjuangan	seperjuangan
main	permainan	sepermainan
suku	persukuan	sepersukuan
tiga	pertigaan	sepertigaan
turut	perturutan	seperturutan
untung	peruntungan	seperuntungan

**Jadual 16: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima
Akhiran *-an* (4)**

Contoh (semua):

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
hidang	hidangan	sehidangan
lurus	lurusan	selurusan
pandang	pandangan	sepandangan
pangkal	pangkalan	sepangkalan

Jadual 17: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *per-* (3)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
angkat	perangkat	seperangkat
ratus	peratus	seperatus
tiga	pertiga	sepertiga

Jadual 18: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima Apitan *ke-...-an* (2)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
duduk	kedudukan	sekedudukan
tidur	ketiduran	seketiduran

Jadual 19: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ke-* (1)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
hendak	kehendak	sekehendak

Jadual 20: Awalan se- dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ber-* (1)

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
mula	bermula	sebermula

Kesimpulannya, sebanyak 35 perkataan terdapat dalam *Kamus Dewan* yang terhasil melalui proses pengimbuhan kali kedua dengan awalan *se-*. Yang paling banyak ialah gabungan awalan *se-* dengan awalan *peN-*, iaitu sebanyak sembilan perkataan, diikuti oleh apitan *peN-...-an* (8), apitan *per-...-an* (7), akhiran *-an* (4), awalan *per-* (3), apitan *ke-...-an* (2), dan awalan *ke-* dan awalan *ber-*, masing-masing satu perkataan.

c. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Awalan *meN-*

Terdapat hanya lima perkataan yang dihasilkan melalui pengimbuhan kali kedua dengan awalan *meN-*, iaitu yang jenisnya berbentuk awalan *meN-* dengan kata dasar yang menerima awalan *se-*, seperti yang berikut:

Jadual 21: Awalan *meN-* dengan Kata Dasarnya Menerima Awalan *se-*

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
belah	sebelah	menyebelah
ratus	seratus	menyeratus
ribu	seribu	menyeribu
rumah	serumah	menyerumah
rupa	serupa	menyerupa

d. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Awalan-awalan Lain

Amat sedikit berlaku pengulangan pengimbuhan dengan awalan-awalan selain *ber-*, *se-* dan *meN-*. Daripada data, terdapat hanya empat kata terbitan, masing-masing dengan satu contoh, iaitu dengan awalan-awalan *peN-*, *ter-*, *per-* dan *di-*, seperti yang dapat dilihat di bawah.

Jadual 22: Awalan *peN-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-*, iaitu bagi Kata Dasar *padu*:

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
padu	sepadu	penyepadu

Jadual 23: Awalan *ter-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-*, iaitu juga bagi Kata Dasar *padu*:

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
padu	sepadu	tersepadu

Jadual 24: Awalan *per-* dengan Kata Dasar yang juga Menerima awalan *se-*, iaitu bagi Kata Dasar *ratus*:

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
ratus	seratus	perseratus

Jadual 25: Awalan *di-* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *meN-*, iaitu bagi Kata Dasar *erti*:

Kata dasar	Peng 1	Peng 2
erti	mengerti	dimengerti

Kesimpulannya, terdapat sebanyak empat perkataan dalam *Kamus Dewan* yang terhasil melalui proses pengimbuhan kata dasar dengan awalan-awalan lain selain *ber-*, *se-* dan *meN-*. Jumlahnya agak kecil, iaitu empat kata terbitan, masing-masing dengan satu contoh, dengan awalan-awalan *peN-*, *ter-*, *per-* dan *di-*.

RUMUSAN

Daripada awalan dalam bahasa Melayu yang terlibat dengan pengulangan proses pengimbuhan kali kedua, yang paling ketara ialah awalan *ber-*, iaitu sebanyak 109 daripada jumlah 153, atau 71.2%. Bentuk awalan yang kedua banyak ialah dengan awalan *se-*, iaitu sebanyak 35 atau 22.8%. Awalan-awalan lain agak kecil, seperti yang kelihatan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 26: Awalan Yang Terlibat Dalam Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua

Awalan	Jumlah
ber-	109
se-	35
meN-	5
peN-	1
ter-	1
per-	1
di-	1
Jumlah	153

PENGULANGAN PROSES PENGIMBUHAN KALI KEDUA DENGAN APITAN

Di samping dengan awalan, proses pengulangan pengimbuhan kali kedua juga berlaku dengan imbuhan apitan. Sejumlah 159 perkataan terbentuk melalui beberapa apitan, dengan yang paling banyak

dengan apitan *ke...-an* diikuti oleh apitan *meN...-kan*. Perhatikan contoh dengan jenis-jenisnya.

a. Pengulangan Pengimbuhan dengan Apitan *ke...-an*

Terdapat lima jenis binaan kata terbitan dengan apitan *ke...-an* seperti yang berikut.

Jadual 27: Apitan *ke...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ter-* (54 perkataan)

Sepuluh contoh diberikan, yang selainnya terdapat dalam Lampiran E.

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
abai	terabai	keterabaian
babit	terbabit	keterbabit
cerna	tercerna	ketercernaan
desak	terdesak	keterdesakan
gantung	tergantung	ketergantungan
kejut	terkejut	keterkejutan
lalu	terlalu	keterlaluan
pegun	terpegun	keterpegunan
rencat	terencat	keterencatan
tekan	tertekan	ketertekanan

Jadual 28: Apitan *ke...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ber-* (24)

Lapan contoh sahaja; yang selainnya terdapat dalam Lampiran F.

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
ada	berada	keberadaan
erti	bererti	keberertian
guna	berguna	kebergunaan
henti	berhenti	keberhentian
lain	berlain	keberlainan
mula	bermula	kebermulaan
sama	bersama	kebersamaan
untung	beruntung	keberuntungan

Jadual 29: Apitan *ke...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-* (18)

Lapan contoh sahaja yang selainnya terdapat dalam Lampiran G.

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
belas	sebelas	kesebelasan
imbang	seimbang	keseimbangan
jiwa	sejiwa	kesejiwaan
laras	selaras	keselarasan
orang	seorang	keseorangan
padan	sepadan	kesepadanan
rupa	serupa	keserupaan
timbang	setimbang	kesetimbangan

Jadual 30: Apitan *ke...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *peN-* (8)

Contoh (semua):

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
arah	pengarah	kepengarahan
duduk	penduduk	kependudukan
guna	pengguna	kepenggunaan
karang	pengarang	kepengarangan
laut	pelaut	kepelautan
layar	pelayar	kepelayaran
pimpin	pemimpin	kepemimpinan
urus	pengurus	kepengurusan

Jadual 31: Apitan *ke...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *juru-* (4)

Contoh (semua):

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
jual	jurujual	kejurujualan
latih	jurulatih	kejurulatihan

rawat	jururawat	kejururawatan
tera	jurutera	kejuruteraan

Perhatian: Dalam *Kamus Dewan* terdapat 72 perkataan yang menerima awalan *juru-*, misalnya *jurucara*, *jurubahasa*, *juruhias* dan *jurulayar* walaupun hanya empat di atas yang dinyatakan menerima apitan *ke-...-an*. Dari segi potensinya, banyak perkataan baharu dapat dibentuk melalui proses pengulangan penggandaan ini, misalnya *kejurucaraan* dan *kejuruhiasan*.

Jadual 32: Apitan *ke-...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *meN-*

Hanya terdapat satu contoh, iaitu:

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
radang	meradang	kemeradangan

Kesimpulannya, terdapat sebanyak 109 kata terbitan terhasil daripada proses pengimbuhan kali kedua dengan apitan *ke-...-an*. Yang paling banyak ialah gabungan apitan *ke-...-an* dengan kata dasar yang telah menerima awalan *ter-*, iaitu sebanyak 54, diikuti oleh awalan *ber-* (24), awalan *se-* (18) dan awalan *peN-* (8). Jumlah kata terbitan dengan apitan lain agak kecil, iaitu empat dengan awalan *juru-* dan satu dengan awalan *meN-*.

b. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang telah Mengalami Proses Pengimbuhan Kali Pertama

Terdapat tujuh jenis kata terbitan yang terbentuk melalui apitan ini:

Jadual 33: Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-* (15 perkataan)

Tujuh contoh sahaja; yang selainnya terdapat dalam Lampiran H.

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
belah	sebelah	menyebelahkan
lari	selari	menyelarikan
jajar	sejajar	menyejajarkan

padu	sepadu	menyepadukan
rangkai	serangkai	menyerangkaikan
tempat	setempat	menyetempatkan
tuju	setuju	menyetujui

Jadual 34: Apitan *meN-..-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima Kata Sendi Nama *ke-* (9)

Contoh (semua):

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
belakang	ke belakang	mengebelakangkan
bumi	ke bumi	mengebumikan
depan	ke depan	mengedepankan
samping	ke samping	mengesampingkan
sana	ke sana	mengesanakan
sisi	ke sisi	mengesisikan
tanah	ke tanah	mengetanahkan
tengah	ke tengah	mengetengahkan
tepi	ke tepi	mengetepikan

Jadual 35: Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ter-* (4)

Contoh (semua):

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
balik	terbalik	menterbalikkan
cengang	tercengang	mentercengangkan
lantar	terlantar	menterlantarkan
*tawa	tertawa	mentertawakan

*tawa ialah akar kata

Jadual 36: Apitan *meN-...-kan* yang Kata Dasarnya Menerima Awalan *ber-* (3)

Contoh (semua):

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
angkat	berangkat	memberangkatkan
henti	berhenti	memberhentikan
sara	bersara	membersarakan

Jadual 37: Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima awalan *peN-* (1)

Terdapat hanya satu contoh:

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
kerusi	pengerusi	mempengerusikan

Jadual 38: Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima awalan *peI-* (1)

Satu contoh sahaja:

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
bagai	pelbagai	mempelbagaikan

Jadual 39: Apitan *meN-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *ke-* (1)

Satu contoh sahaja:

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
bulur	kebulur	mengebulurkan

Kesimpulannya, sebanyak 34 perkataan dalam *Kamus Dewan* yang terhasil melalui proses pengimbuhan kali kedua dengan apitan *meN-...-kan*. Yang paling banyak ialah gabungan apitan *meN-...-kan* dengan kata dasar yang telah menerima awalan *se-*, iaitu 15, diikuti oleh kata dasar yang menerima kata sendi nama *ke* (9), awalan *ter-* (4) dan awalan *ber-* (3). Tiga lagi melibatkan awalan *peN-*, *peI-* dan *ke-*, masing-masing dengan satu contoh.

c. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *meN-...-i* dengan Kata Dasar yang Mengalami Proses Pengimbuhan Kali Pertama

Terdapat hanya empat perkataan daripada kategori ini, iaitu tiga kata dasar yang menerima awalan *se-* dan satu kata dasar yang menerima awalan *ter-*.

Jadual 40: Apitan *meN-...-i* dengan Kata Dasar yang Menerima Awal *se-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
pakat	sepakat	menyepakati
rupa	serupa	menyerupai
tuju	setuju	menyetujui
tawa	tertawa	mentertawai

d. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *memper-...-kan*

Terdapat hanya dua perkataan yang terbentuk dengan proses pengimbuhan kali kedua jenis ini, iaitu gabungan apitan *memper-...-kan* dengan kata dasar yang menerima awalan *se-*.

Jadual 41: Apitan *memper-...-kan* dengan Kata Dasar yang Menerima Awal *se-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
nyawa	senyawa	mempersenyawakan
tuju	setuju	mempersetujukan

e. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *memper-...-i*

Terdapat hanya satu patah perkataan yang terbentuk dengan pengimbuhan kali kedua kata dasar yang menerima awalan *se-*, iaitu dengan kata dasar *tuju*.

Jadual 42: Apitan *memper-...-i* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
tuju	setuju	menyetujui

f. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *peN-...-an*

Terdapat lima perkataan yang terbentuk dengan pengimbuhan kali kedua jenis ini, iaitu gabungan apitan *peN-...-an* dengan kata dasar yang menerima awalan-awalan berikut: *pel-*, *ber-*, *se-* dan *per-*.

Jadual 43: Apitan *PeN-...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *pel-*, *ber-*, *se-* dan *per-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
ajar	pelajar	pemelajaran
henti	berhenti	pemberhentian
jajar	sejajar	pensejajaran
kaya	perkaya	pemerdayaan

g. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *per-...-an*

Terdapat lima perkataan yang terbentuk dengan pengimbuhan kali kedua apitan *per-...-an* dengan kata dasar yang menerima awalan *se-*.

Jadual 44: Pengimbuhan Kali Kedua apitan *per-...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
rupa	serupa	penserupaan
orang	seorang	perseorangan
padu	sepadu	persepadaan
pakat	sepakat	persepakatan
kitar	sekitar	persekitaran

h. Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua dengan Apitan *ber-...-an*

Terdapat hanya satu perkataan yang terbentuk dengan pengimbuhan kali kedua kata dasar yang menerima awalan *se-* dengan apitan *ber-...-an*, iaitu dengan *orang*.

Jadual 45: Apitan *ber-...-an* dengan Kata Dasar yang Menerima Awalan *se-*

Kata Dasar	Peng 1	Peng 2
orang	seorang	berseorangan

KESIMPULAN

Daripada apitan dalam bahasa Melayu yang terlibat dengan pengulangan proses pengimbuhan kali kedua, yang paling ketara ialah apitan *ke-...-an* dengan 109 perkataan daripada jumlah keseluruhan sebanyak 160 atau 68%. Bentuk apitan yang kedua banyak ialah *meN-...-kan*, sebanyak 34 atau 21%. Apitan-apitan lain amat kecil jumlahnya, iaitu semuanya lima dan ke bawah, seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 46: Apitan Yang Terlibat Dalam Pengulangan Pengimbuhan Kali Kedua

Apitan	Jumlah
1. ke-...-an	109
2. meN-...-kan	34
3. meN-...-i	4
4. memper-...-kan	2
5. memper-...-i	1
6. peN-...-an	4
7. per-...-an	5
8. ber-...-an	1
Jumlah	160

RUMUSAN

Kelihatan bahawa jumlah awalan dan apitan yang terlibat dalam proses penghimpunan kali kedua dalam bahasa Melayu hampir sama, iaitu 153 bagi awalan dan 160 bagi apitan. Para pengguna bahasa Melayu kelihatan mengeksploitasi kedua-dua jenis imbuhan ini sama banyak untuk membentuk perkataan-perkataan tambahan dalam bahasa Melayu. Kelihatan juga bahawa proses penghimpunan kali kedua tidak berlaku dengan akhiran dan sisipan.

Namun demikian, pemberatan dari segi bentuk-bentuk awalan dan apitan yang digunakan tidak sama. Bagi pengulangan kali kedua dengan awalan, awalan *ber-* jauh mengatasi awalan-awalan lain, iaitu 109 perkataan daripada 153 atau 71%. Bahkan penggunaan awalan-awalan lain amat sedikit, kecuali awalan *se-*, yang mencatat sebanyak 35 patah perkataan atau 22%. Kecuali awalan *meN-* yang mencatat lima patah perkataan, yang lain hanya berlaku sebanyak satu kali.

Bagi proses penghimpunan kali kedua dengan apitan-apitan pula, apitan *ke-...-an* digunakan dengan amat kerap, iaitu 109 daripada 160 perkataan atau 68%. Sekali lagi bentuk-bentuk apitan lain amat rendah penggunaannya kecuali *meN-...-kan* yang mencatat 34 atau 21%. Daripada enam jenis apitan yang terlibat, *per-...-an* dan *peN-...-an* masing-masing mencatat lima dan empat penggunaan; yang lain lebih rendah penggunaannya, iaitu *meN-...-i* empat, *memper-...-kan* dua, *memper-...-i* satu dan *ber-...-an* satu.

IMPLIKASI BAGI BAHASA MELAYU

Gejala penghimpunan kali kedua dalam bahasa Melayu bukan perkara baharu. Ini terutamanya dengan awalan *ber-* dan apitan *ke-...-an*. Namun, disebabkan bentuknya yang lebih panjang berbanding dengan kata terbitan yang hanya mengalami penghimpunan sebanyak sekali, bentuk-bentuk dengan pengulangan kali kedua ini lebih kerap wujud hanya dalam wacana tulisan. Dengan kata lain, sewaktu bahasa Melayu hanya menjadi bahasa perhubungan biasa, bukan bahasa saluran ilmu pengetahuan, bentuk-bentuk dengan penghimpunan kali kedua kurang digunakan. Ini berlaku, misalnya, tatkala bahasa Melayu disisih oleh pihak penjajah, yang menggunakan bahasa mereka sendiri (bahasa Inggeris) sebagai bahasa rasmi, bahasa perhubungan dan bahasa ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu terpinggir dan digunakan oleh penutur-penutur aslinya di rumah dan dalam suasana tidak rasmi, kebanyakannya dalam bentuk lisan. Sebagai bahasa sekolah, bahasa Melayu kekal sebagai bahasa pengantar hanya setakat sekolah rendah.

Apabila bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan negara baharu (Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaysia), berlakulah proses pembinaan dan pengembangan bahasa. Satu aspek penting proses ini ialah pembinaan kosa katanya agar dapat bahasa Melayu menjalankan tugasnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu pengetahuan. Maka bahasa Melayu secara perlahan-lahan berubah wajah, dengan ribuan istilah baharu dibentuk untuk memperkatakan perkara-perkara yang sebelum ini jarang diperkatakannya. Pada masa yang sama juga, bahasa Melayu banyak digunakan dalam bentuk bertulis.

Akibatnya, berkembanglah kosa kata bahasa Melayu dalam keadaan yang amat cepat. Ribuan istilah diwujudkan untuk memperkatakan ribuan konsep dan perkara baharu. Maka pelbagai cara digunakan untuk membina dan mengembangkan kosa kata bahasa Melayu. Selain meminjam perkataan daripada bahasa-bahasa lain dan menggubal perkataan-perkataan baharu melalui pelbagai cara, proses-proses pembentukan kata yang sedia ada dalam bahasa Melayu telah digunakan, iaitu penggandaan, pemajmukan dan pengimbuhan.

Proses penggandaan ialah proses membentuk perkataan baharu dengan menggandakan perkataan yang sedia ada, misalnya *anak-anak* daripada *anak*, *rumah-rumah* (rumah) dan *kesalahan-kesalahan* (kesalahan); proses ini disebut penggandaan penuh. Proses penggandaan juga boleh bersifat separa, iaitu dengan sebahagian sahaja daripada kata dasar digandakan, misalnya *lelaki* daripada *laki* dan *lelangit* daripada *langit*. Dalam bahasa Melayu moden proses penggandaan separa ini tidak aktif lagi. Maka, dalam proses pembinaan bahasa Melayu moden, proses ini telah diaktifkan untuk membentuk perkataan-perkataan baharu dalam usaha mengembangkan kosa kata bahasa Melayu kini, contohnya: *pepejal*, *jejari*, *bebola*, dan *sesawang*.

Pemajmukan pula ialah proses membentuk perkataan baharu melalui gabungan dua perkataan atau lebih yang mempunyai makna masing-masing untuk membentuk perkataan baharu dengan makna yang tersendiri. Contohnya ialah perkataan *cari* dan *gali* yang apabila dimajmukkan membentuk *cari gali* dengan maksud 'kegiatan atau usaha mencari bahan galian (minyak, gas, emas, dll.) dengan menggerudi jauh ke dalam tanah atau dasar laut'. Contoh-contoh lain kata majmuk ialah: *putih telur*, *kata kunci*, *urus niaga*, *telefon dail terus* dan *segi empat tepat*.

Dari segi proses pengimbuhan kali kedua, dua faktor wujud yang menggalakkan peningkatan penggunaannya. Pertama, keperluan

untuk menggubal istilah-istilah baharu dalam masa yang amat singkat meningkatkan keperluan untuk mengeksploitasi proses pengimbuhan yang sedia ada. Kedua, dengan tugasnya sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perhubungan awam dan bahasa ilmu pengetahuan, ruang untuk menggunakan bahasa Melayu dalam bentuk bertulis turut meningkat. Maka keperluan untuk mengungkapkan perkara-perkara baharu dalam suasana formal dan ilmiah juga meningkat.

Sebagai contoh, kita biasa dengan kata dasar *baca* yang menjana kata-kata terbitan hasil daripada pengimbuhan sebanyak sekali, iaitu: *membaca, terbaca, pembaca, bacaan, dan pembacaan*. Dalam bidang pendidikan dan bidang-bidang lain juga, wujud keperluan untuk bercakap tentang 'darjah betapa senang atau sukarnya memahami sesuatu teks', yang dalam bahasa Inggeris disebut '*readability*'. Maka terciptalah istilah baharu untuk mengungkapkan konsep ini melalui proses pengimbuhan kali kedua bagi kata dasar *baca* yang telah mengalami pengimbuhan awalan *ter-* (terbaca) dengan apitan *ke-...-an*; maka lahirlah perkataan baharu *keterbacaan*.

Demikian juga dengan kata dasar *karang*. Melalui proses pengimbuhan biasa (yakni sekali) lahir kata-kata terbitan *berkarang, mengarang, terkarang, karangan, dan pengarang*. Apabila perlu diperkatakan tentang 'perihal yang berkait dengan pengarang', maka digubal perkataan baharu dengan pengimbuhan kali kedua kata dasar *pengarang* (*karang + peN-*) dengan apitan *ke-...-an*. Maka lahirlah perkataan baharu *kepengarangan*. Contoh ayat yang diberikan oleh KD ialah: *Usia kepengarangan seseorang pengarang haruslah berpanjangan*.

Bagi kata dasar *gantung* pula, di sebalik banyak kata terbitan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan sekali, seperti *bergantung, bergantungan, menggantung, menggantungi, menggantungkan, mempergantung, tergantung, pergantungan, penggantung dan penggantungan*, perlu juga dicipta istilah bagi mengatakan (i) perihal atau keadaan bergantung pada, dan (ii) keadaan atau sifat (masih) bergantung pada sesuatu, iaitu *kebergantungan* untuk (i) dan *ketergantungan* untuk (ii).

Kesimpulannya, semakin luas bahasa Melayu digunakan, meliputi pelbagai bidang dan genre, semakin perlu bahasa itu dikembangkan, terutama dari segi kosa katanya. Demikian juga, penggunaan pengimbuhan kali kedua turut semakin tinggi kekerapannya. Ini terutamanya dalam aspek pembinaan

perkataan-perkataan yang memperkatakan keadaan, hal atau sifat tertentu seperti dalam contoh-contoh berikut: *berkecenderungan, berkesanggupan, berpembawaan, berpenguasaan, keterasingan, keterikatan, keberadaan, kebersamaan, kesejajaran, kesepakatan, menyepadukan dan menyerangkaikan*.

Ini ditambah pula dengan hakikat bahawa terdapat banyak juga kata dasar yang dapat menerima pelbagai proses pengimbuhan, menghasilkan sejumlah besar kata terbitan/baharu daripada kata dasar yang sama. Perhatikan contoh-contoh berikut:

Jadual 47: Kata Dasar yang Menerima Pelbagai Proses Pengimbuhan

1. bagai	Pengimbuhan kali pertama: sebagai, berbagai, berbagai-bagai, membagaikan, pelbagai, mempelbagaikan
	Pengimbuhan kali kedua: kepelbagaian, pemelbagaian
2. duduk	Pengimbuhan kali pertama: menduduki, mendudukkan, terduduk, kedudukan penduduk, pendudukan
	Pengimbuhan kali kedua: berkedudukan, sekedudukan, bersekedudukan, berpenduduk, kependudukan
3. tuju	Pengimbuhan kali pertama: bersetuju, tujuan, menuju, menuju, menunjukan, setuju, tertuju, ketuju, penuju
	Pengimbuhan kali kedua: bersetujuan, menyetujui, mempersetujui menyetujukan, mempersetujukan, persetujuan

PENUTUP

Setiap bahasa mengalami perkembangan, terutama apabila masyarakat penuturnya menjalani perubahan. Ini disebabkan perubahan membawa gejala baharu dan setiap gejala baharu menggunakan bahasa untuk memperkatakannya. Maka wujudlah perkataan-perkataan dan cara-cara pengungkapan baharu dalam bahasa; perubahan sedemikian dikatakan kemajuan dalam bahasa. Ada juga orang yang mengaitkannya dengan pemodenan.

Pada awal abad ke-20, banyak negara yang dijajah memperoleh kemerdekaan. Negara-negara ini, yang agak ketinggalan disebabkan oleh penjajahan, segera menyusun langkah-langkah untuk masuk ke zaman baru melalui pelbagai aspek perancangan, terutama perancangan politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Dalam hal ini, bahasa juga turut terlibat. Sebelum ini, bahasa berkembang secara perlahan, satu proses evolusi yang membenarkan unsur-unsur bahasa berubah melalui proses penyesuaiannya dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat penuturnya. Keadaan demikian berubah dalam abad ke-20 apabila bahasa juga turut menjalani proses perancangan, iaitu dalam negara-negara yang baru terlepas daripada belenggu penjajahan. Perancangan bahasa bererti proses mengubah bahasa yang dilakukan (baca campur tangan) oleh manusia, bukan mengikut proses yang lazimnya berlaku pada bahasa.

Bahasa Melayu di Malaysia mula dirancangan apabila muncul sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perhubungan rakyat dan bahasa pengantar di institusi pengajian. Dalam sekelip mata, segala-galanya berubah demi menghadapi cabaran-cabaran baharu ini. Sebuah agensi perancangan bahasa (Dewan Bahasa dan Pustaka) telah ditubuhkan dan pelbagai strategi telah disusun untuk menjadikan bahasa yang sebelum ini terpinggir berjaya sebagai bahasa moden dalam semua aspek. Bahasa Melayu mula dibina dan dikembangkan.

Salah satu aspek pembinaan dan pengembangan ini ialah penggubalan perkataan-perkataan baharu bagi memperkatakan pelbagai bidang baharu dan moden sifatnya dalam pelbagai sektor seperti pentadbiran, perundangan, ekonomi, dan banyak lagi. Banyak cara dilakukan, contohnya menggubal perkataan-perkataan baharu dan meminjam istilah-istilah daripada bahasa asing. Satu cara lagi ialah dengan mengeksploitasi teknik-teknik membentuk perkataan yang sedia ada dan terpakai dalam bahasa Melayu, iaitu proses-proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

Makalah ini meninjau bagaimana satu aspek pengimbuhan telah dieksploitasi dalam usaha membentuk perkataan baharu bagi mengungkapkan perkara dan gejala baharu. Aspek yang dimaksudkan ialah pengimbuhan ke atas perkataan/kata dasar yang telahpun mengalami pengimbuhan kali pertama. Proses pengimbuhan kali kedua ini sedia wujud dalam bahasa Melayu, namun kini dijangka lagi penggunaannya. Contoh perkataan-perkataan yang telah mengalami pengimbuhan kali kedua ini adalah seperti yang berikut, sebagai tambahan kepada yang telah diberikan pada bahagian awal makalah ini.

Jadual 48: Contoh Perkataan yang Mengalami Pengimbuhan Kali Kedua

Kata Dasar	Peng 1	KT	Peng 2	KT baharu
ikat	ter-	terikat	ke-...-an	keterikatan
tentu	-an	siaran	ber-	bersiaran
alam	peN-...-an	pengalaman	ber-	berpengalaman
sama	ber-	bersama	ke-...-an	kebersamaan
air	per-...-an	perairan	se-	seperairan
mula	ber-	bermula	se-	sebermula
belah	se-	sebelah	meN-	menyebelah

Mengambil contoh kata dasar *ikat*, pengimbuhan kali pertama berlaku dengan awalan *ter-* yang menghasilkan *terikat*, yang antara maknanya ialah ‘telah diikat’ dan ‘tertakluk kepada’. Pengimbuhan kali kedua berlaku dengan *terikat* sebagai bentuk dasar yang kemudiannya menerima apitan *ke-...-an*, menghasilkan perkataan baharu dengan pengertian baharu, iaitu *keterikatan*. Maksud *keterikatan* ialah ‘perihal terikat (berkait erat)’ atau keadaan terikat antara satu sama lain.

Kelihatan bahawa proses pengimbuhan kali kedua ini merupakan satu cara yang produktif bagi membentuk perkataan-perkataan baharu, terutama bagi memperkatakan konsep-konsep yang abstrak dan ilmiah. Proses ini sedia ada dalam bahasa Melayu dan tidak menimbulkan apa-apa kerumitan untuk digunakan, terutama dalam wacana tulisam dan formal.

Sekali lagi dapat kita lihat bagaimana bahasa Melayu memandang ke dalam untuk mencari teknik-teknik yang sedia ada dalam usaha membentuk perkataan-perkataan baharu. Dengan demikian, langkah ini dapat memberi keseimbangan dengan gejala kemasukan yang begitu banyak perkataan-perkataan baharu yang dipinjam daripada bahasa asing, terutama bahasa Inggeris, sekali gus mengekalkan ketulenannya. Ini selaras dengan cara-cara penggubalan perkataan baharu lain, seperti penggandaan separa dan pemajmukan yang juga turut menambah jumlah kosa kata baharu dalam bahasa Melayu moden.

RUJUKAN UTAMA

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et al. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN A

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berapitan ke-...-an dengan awalan *ber-*

Jadual 49: Contoh Proses: ada – berada - keberadaan

1. berkeadaan	23. berkemungkinan
2. berkeberatan	24. berkepandaian
3. berkebetulan	25. berkepanjangan
4. berkebulatan	26. berkepentingan
5. berkecelaan	27. berkepercayaan
6. berkecenderungan	28. berkeperibadian
7. berkecukupan	29. berkeputusan
8. berkedudukan	30. berkerajaan
9. berkeinginan	31. berkesanggupan
10. berkenderaan	32. berkesempatan
11. berkekurangan	33. berkesesuaian
12. berkelakuan	34. berkesudahan
13. berkelaluan	35. berketahuan
14. berkelantasan	36. berketakutan
15. berkelayakan	37. berketanggungan
16. berkelebihan	38. berketentuan
17. berkelengkapan	39. berketetapan
18. berkeliaran	40. berketerampilan
19. berkelulusan	41. berketurunan
20. berkemahiran	42. berkeupayaan
21. berkemahuan	43. berkewajiban
22. berkemampuan	*44. berkehiliran

Perhatian: Bagi yang terakhir, nombor 44, kata dasar sebelum menerima awalan *ber-* berbentuk frasa sendi nama, iaitu *ke hilir*.

LAMPIRAN B

Kata terbitan hasil proses pengulangan pengimbuhan kali kedua kata dasar berakhiran *-an* dengan awalan *ber-*

Jadual 50: Contoh Proses: alas - alasan - beralasan

1. beralasan	11. bermuatan
2. beraliran	12. berpadanan
3. berbalasan	13. berpakaian
4. bercabiran	14. berpaltan
5. berejekan	15. berpandangan
6. berfikiran	16. berpangkalan
7. berjabatan	17. berpasangan
8. berjawatan	18. berangkaian
9. berlandasan	19. bersiaran
10. berlarangan	20. berurusan

LAMPIRAN C

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berapitan *peN-...-an* dengan awalan *ber-*

Jadual 51: Contoh Proses: ajar - pelajaran - berpelajaran

1. berpelajaran	9. berpekerjaan
2. berpengalaman	10. berpengkhususan
3. berpembawaan	11. berpenguasaan
4. berpendakian	12. berpelayaran
5. berpendapatan	13. berpemimpinan
6. berpendirian	14. berperasaan
7. berpendidikan	15. berpengetahuan
8. berpengasihian	16. berpenaruhan

LAMPIRAN D

Kata terbitan hasil proses pengulangan pengimbuhan kali kedua kata berawalan *se-* dengan awalan *ber-*

Jadual 52: Contoh Proses: imbang - seimbang - berseimbang

1. berseimbang	9. bersepakat
2. berseingat	10. berserupa
3. bersekali	11. bersetentang
4. berselari	12. bersetubuh
5. bersemuka	13. bersetuju
6. bersenyawa	14. bersetumpu
7. berseorang	15. bersetungguang
8. bersepadu	

LAMPIRAN E

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berawalan *ter-* dengan apitan *ke-...-an*

Jadual 53: Contoh Proses: abai - terabai - keterabaian

1. keterabaian	28. keterkejutan
2. Keterakhiran	29. keterkutukan
3. Keterancaman	30. keterlaluan
4. Keterandalan	31. keterlampauan
5. Keterasingan	32. keterlanjuran
6. Keteraturan	33. keterlarutan
7. Keterbabitian	34. keterlibatan
8. Keterbacaan	35. keterpaksaan
9. Keterbalikan	36. keterpegunan
10. Keterbatasan	37. keterpeliharaan
11. Keterbelakangan	38. keterpencilan
12. Keterbiaran	39. keterperanjatan
13. Keterbiasaan	40. keterperincian
14. Keterbukaan	41. keterpesonaan

15. Ketercernaan	42. keterpinggiran
16. Keterdahuluan	43. keterpisahan
17. Keterdedahan	44. keteramalan
18. Keterdesakan	45. keterencatan
19. Keterdorongan	46. ketersalahan
20. Ketergantungan	47. ketersasulan
21. Keterhadan	48. ketersebaran
22. Keterhadaman	49. ketersediaan
23. Keterharuan	50. ketersendirian
24. Keterikatan	51. keterserapan
25. Keterjalinan	52. keterserlahan
26. Keterjaminan	53. ketertekanan
27. Keterikatan	54. keterterapan

LAMPIRAN F

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berawalan *ber-* dengan apitan *ke-...-an*

Jadual 54: Contoh Proses: ada - berada - keberadaan

1. keberadaan	13. keberlainan
2. keberangkatan	14. keberlangsungan
3. keberbahayaan	15. kebermulaan
4. keberertian	16. kebersahajaan
5. kebergantungan	17. kebersalahan
6. kebergunaan	18. kebersamaan
7. keberhasilan	19. kebersediaan
8. keberhentian	20. kebersendirian
9. keberjangkitan	21. kebertanggungjawaban
10. keberkaitan	22. keberterusan
11. keberkalaan	23. keberulangan
12. keberkesanan	24. keberuntungan

LAMPIRAN G

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berawalan *se-* dengan apitan *ke-...-an*

Jadual 55: Contoh Proses: belas - sebelas - keselasan

1. kesebelasan	10. kesepadanan
2. kesebuluan	11. kesepaduan
3. kesefahaman	12. kesepakatan
4. keseimbangan	13. keserantauan
5. kesejajaran	14. keserumpunan
6. kesejiwaan	15. keserupaan
7. keselarasan	16. kesetimbangan
8. keselarian	17. kesetimbangan
9. keseorangan	18. kesentuhan

LAMPIRAN H

Kata terbitan hasil proses pengimbuhan kali kedua kata dasar berawalan *se-* dengan apitan *meN-...-kan*

Jadual 56: Contoh Proses: belah - sebelah - menyebelahkan

1. menyebelahkan	9. menyeratakan
2. menyebuhkan	10. menyerumahkan
3. menyejajarkan	11. menyerupakan
4. menyelarikan	12. menyetarakan
5. mensenyawakan/menyenyawaan	13. menyetaraskan
6. menyepadukan	14. menyetempatan
7. menyerangkaikan	15. menyetujukan
8. menyerasikan	